

26 JAN 1999

Najib-Ekspo

EKSP0 MULTIMEDIA SEDUNIA DI MALAYSIA TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Ekspo Multimedia Sedunia akan diadakan di Malaysia pada suku tahun pertama tahun depan, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata pameran multimedia dan teknologi maklumat (IT) itu, yang terbesar di rantau ini, bertujuan merangsang aplikasi multimedia dan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan.

Katanya ekspo itu akan mempamerkan produk, perisian dan peralatan multimedia dan IT dunia di Malaysia oleh syarikat antarabangsa dan tempatan.

"Ekspo ini juga mempamerkan ketujuh-tujuh aplikasi Koridor Raya Multimedia (MSC) dan memberi tumpuan kepada aplikasi teknologi maklumat dan multimedia dalam bidang pendidikan," katanya pada persidangan berita dan pelancaran logo Ekspo Multimedia Sedunia di sini.

Najib berkata ekspo itu bertujuan menunjukkan komitmen Malaysia dalam bidang IT dan pendidikan serta kesungguhan Malaysia merealisasikan MSC dan menjadi pemain utama dalam dunia multimedia dan IT.

Najib yang juga Penasihat kepada Jawatankuasa Ekspo Multimedia Sedunia anjuran Majlis Promosi Pendidikan Malaysia (MEPC) itu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menjadi Penaung kepada ekspo itu.

Katanya Pengerusi MEPC, Tan Sri Razali Ismail adalah pengerusi jawatankuasa pengelola manakala Naib Pengerusi MEPC, Tan Sri Lim Kok Wing sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana.

Bagi menjayakan ekspo itu beberapa badan seperti Majlis IT Kebangsaan, MIMOS Berhad, Perbadanan Pembangunan Multimedia, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia, Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta Malaysia (MIGHT), Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia serta beberapa syarikat multimedia dan IT tempatan dan antarabangsa akan dijemput menjadi anggota penganjur, katanya.

Selain daripada ekspo berkenaan, seminar serta beberapa perkara yang berkaitan dengan ekspo itu akan turut diadakan.

Beliau berkata usaha sedang dilakukan untuk menjemput syarikat-syarikat besar dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Taiwan, Australia dan Kanada menyertai ekspo itu.

Maklumat lanjut mengenai ekspo itu akan diumumkan dari semasa ke semasa, kata Najib.

-- BERNAMA

HS NMO